

# Empat spesies baharu ikan ditemukan di Tasik Bera

**BERA** – Tasik Bera merekodkan penemuan empat spesies baharu ikan air tawar daripada 158 spesies yang direkodkan termasuk satu jenis berstatus endemik dan satu spesies yang telah pupus.

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, spesies ikan didokumentasikan dalam buku *Fishes of Tasik Bera*.

Katanya, penerbitan buku itu merupakan usaha kolektif

antara kementerian itu dengan beberapa institusi pengajian tinggi seperti Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Malaya (UM), Universiti Selangor (Unisel), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

"Terdapat pelbagai maklumat berkenaan spesies ikan air tawar di Tasik Bera seperti imej, nama saintifik, nama tempatan, status konservasi, morfologi, taburan,

habitat, pengurusan serta aktiviti komuniti.

"Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan, keindahan dan kepelbagaian spesies ikan air tawar di Malaysia," katanya pada Majlis Sambutan Hari Tanah Lembab Sedunia 2024 di Tasik Bera di sini semalam.

Menurutnya, sebanyak 158 spesies ikan air tawar daripada 36 famili termasuk empat spe-

sies baharu didapati menjadikan Tasik Bera sebagai habitat.

Dalam pada itu beliau berkata, pihaknya sentiasa memandangkan serius penglibatan Orang Asli di dalam ekosistem tanah lembap Tasik Bera termasuk dalam memelihara dan menjaga kawasan tersebut.

Justeru katanya, kawasan itu telah dijadikan sebagai salah satu kawasan markas taktikal bagi Operasi Bersepadu Khazanah, yang mana sebanyak 134

dan 153 rondaan telah diadakan masing-masing pada tahun 2022 dan 2023.

"Pelantikan Renjer Komuniti yang terdiri daripada tiga orang Orang Asli Semelai juga membuktikan bahawa kerajaan mengiktiraf peranan penting komuniti Orang Asli di Tasik Bera.

"Saya mengharapkan agar kerjasama erat antara komuniti Orang Asli dan juga pengurusan Tapak Ramsar Tasik Bera dapat diperkukuhkan," ujarnya.